

Menteri2 Luar temui Presiden Suharto

JAKARTA, Isnin — Presiden Suharto hari ini menemui para Menteri Luar Asean di sini sebelum mereka memulakan rundingan mengenai isu Kampuchea.

Perkara yang dibincangkan dalam pertemuan itu tidak diumumkan dan seorang pegawai Istana Presiden menfatkan pertemuan itu sebagai pertemuan biasa.

Para Menteri Luar Asean itu — dari Thailand, Malaysia, Singapura dan Filipina dan Indonesia — terdahulu telah merancang untuk mengadakan perjumpaan luar biasa di Jakarta pada 6 dan 7 November untuk bertukar-tukar pendapat dengan Presiden Reagan.

Tetapi perubahan rancangan Reagan ke Asia Tenggara, yang sepatutnya termasuk lawatan ke Jakarta, Bangkok dan Manila telah ditangguhkan, kata Rumah Putih.

Konflik

Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumaatmadja memberitahu para wartawan bahawa sidang Asean itu akan membincangkan "semua kemungkinan, cara alternatif" untuk mencapai sekurang-kurangnya "pengunduran sebahagian" dari tentera Vietnam di Kampuchea.

Isu Kampuchea telah dijadikan tajuk utama dalam agenda mesyuarat-mesyuarat para Menteri Luar Asean sejak

lima tahun lalu. Pertubuhan negara-negara Asia Tenggara itu telah berulang kali mencari satu penyelesaian diplomatik terhadap konflik Indochina.

"Asean sedang menimbangkan kemungkinan pengunduran sebahagian dari tentera asing di Kampuchea sebagai penyelesaian politik sementara di negara itu," kata Mochtar.

Para Menteri Asean juga dijangka menandatangani perjanjian mengenai kerjasama industri antara anggota-anggotanya.

Filipina diwakili oleh Timbalan Menteri Luarnya, Manuel Collantes yang menggantikan Menteri Luar, Carlos Romulo yang sakit. — UPI.